



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004 (04/10)

ISU CAMAR BULAN DAN PANTAI TANJUNG DATU

Panglima Divisyen Pertama Infantri Malaysia, Mejar Jeneral Datuk Mohd Zaki bin Haji Mokhtar setelah mendapat persetujuan Timbalan Panglima Tentera Darat Leftenan Jeneral Dato' Seri Panglima Ahmad Hasbullah bin Haji Mohd Nawawi pada 18 0930H Okt 2011 melalui percakapan telefon, telah mengeluarkan kenyataan berikut:

Tentera Darat Malaysia : Tiada Isu Di Perbatasan Malaysia-Indonesia

KUCHING – Tentera Darat Malaysia (TDM) hari ini menegaskan tiada sebarang isu yang timbul di perbatasan Malaysia-Indonesia khususnya di Sarawak dan Kalimantan Barat (KALBAR).

Mejar Jeneral Datuk Mohd Zaki bin Haji Mokhtar, Panglima Divisyen Pertama Infantri Malaysia dalam kenyataannya menegaskan bahawa tindakan itu adalah satu dakwaan tidak berasas.

Kenyataan ini di keluarkan susulan dari dakwaan pihak tertentu di Indonesia yang menyatakan bahawa Malaysia telah menduduki secara haram kawasan Camar Bulan di Tanjung Datu seluas 1,499 km persegi.

Malaysia juga turut dinyatakan terlibat di dalam pengalihan Batu sempadan di kawasan berkenaan sehingga mengakibatkan Indonesia kononnya kehilangan kawasan pantai sejauh 800 m.

Sehubungan dengan itu juga, TDM telah berbincang dengan rakan sejawat dari TNI-AD di KALBAR dan menegaskan apa yang didakwa sebenarnya tidak berlaku sama sekali dan hanyalah semata-mata polemik politik pihak tertentu sahaja.

TDM dalam pada itu juga yakin bahawa dengan pertalian dan kerjasama erat antara TDM dan TNI-AD akan mampu menyelesaikan segala permasalahan di perbatasan kedua-dua negara. Perhubungan yang sedia terjalin akan sentiasa dipupuk dan dipelihara demi kepentingan bersama.

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MINDEF

KUALA LUMPUR

18 OKTOBER 2011 (Dikeluarkan jam 5.35 petang)